



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI



# KOD ETIKA

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

## **Visi**

Menjadi Pusat Kecemerlangan Pembangunan  
Modal Insan Koperasi yang Unggul

## **Misi**

Memungkin Transformasi Koperasi Malaysia  
melalui Pendidikan & Latihan serta Intervensi  
yang Inovatif

## **PERUTUSAN KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Saya bersyukur kepada Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, IKMa dapat menerbitkan Kod Etika IKMa untuk dijadikan panduan warga IKMa.

Kod Etika IKMa ini diharap akan menjadi panduan dan penghayatan kepada seluruh warga IKMa, agar dapat menjadikan IKMa sebuah pusat rujukan dan peneraju pembangunan modal insan koperasi yang unggul serta mempunyai kakinangan yang profesional, berintegriti dan bertanggungjawab. Oleh itu, usaha-usaha ke arah penerapan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan di IKMa hendaklah dilakukan secara penuh iltizam dan berterusan oleh semua warga IKMa.

Kod Etika IKMa ini merupakan panduan asas bagi setiap warga kerja IKMa dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai penjawat awam. Ianya menggariskan *standard* tingkah laku yang harus dipatuhi dan diamanatkan supaya kepentingan semua pihak terpelihara.

Saya yakin, warga kerja IKMa akan menghayati, mematuhi dan mengamalkan Kod Etika IKMa ini agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik dalam merealisasikan visi dan misi IKMa serta kementerian.

Sekian, terima kasih.

**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

**Ketua Pengarah**

**Institut Koperasi Malaysia**

**Mac 2022**

# KOD ETIKA IKMa

Mengamalkan nilai-nilai peribadi mulia sebagai budaya kerja

1

Mengamalkan penambahbaikan berterusan

6

Mengamalkan nilai-nilai profesionalisme dalam perkhidmatan

2

Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat

5

Memegang teguh prinsip akauntabiliti, integriti dan kedaulatan undang-undang dalam tugas yang diamahkhan

3

Mengutamakan kepentingan pelanggan

4

## **MENGAMALKAN NILAI-NILAI PERIBADI MULIA SEBAGAI BUDAYA KERJA**

**Penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam budaya kerja dan organisasi meliputi:**

- Disiplin
- Amanah
- Berdedikasi
- Tekun
- Toleransi dan saling hormat-menghormati
- Bekerjasama
- Bersyukur dan berterima kasih
- Bersedia menerima teguran
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

## **MENGAMALKAN NILAI-NILAI PROFESIONALISME DALAM PERKHIDMATAN**

- Kecekapan dan kemahiran
- Komitmen terhadap tugas
- Kreatif dan inovatif
- Proaktif
- Bermotivasi
- Berilmu dan berusaha menjadi pakar

## **MEMEGANG TEGUH PRINSIP AKAUNTABILITI, INTEGRITI DAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DALAM TUGAS YANG DIAMANAHKAN**

**Melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah ditetapkan agar mencapai matlamat serta objektif yang diharapkan. Akauntabiliti meliputi:**

- Adil, cepat, cekap dan konsisten dalam membuat keputusan
- Mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
- Keber tanggungjawaban
- Menolak rasuah

## **MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PELANGGAN**

**Mengutamakan kepentingan pelanggan bermaksud:**

- Memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan
- Layanan adil dan saksama
- Menepati janji dalam Piagam Pelanggan
- Menghormati pendapat dan maklum balas pelanggan

## **MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT**

**Amalan baik pembelajaran pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat adalah:**

- Menimba ilmu dan berkongsi pengetahuan
- Meningkatkan kemahiran dan kepakaran
- Menerima pandangan dan teguran daripada orang yang berpengalaman

## MENGAMALKAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Amalan penambahbaikan secara berterusan meliputi:

- Menyertai aktiviti yang berkaitan dengan penambahbaikan berterusan
- Berfikir di luar kotak kebiasaan berbanding berurusan seperti lazim
- Bersikap positif dan bersedia untuk berubah ke arah kebaikan
- Membenarkan perubahan ke arah kebaikan

***“Pembudayaan etika berintegriti adalah usaha yang mesti disemai pada setiap tahap kritis untuk memastikan ianya benar-benar dihayati dan bukan sekadar amalan pematuhan“***

## **MENGAMALKAN NILAI-NILAI PERIBADI MULIA SEBAGAI BUDAYA KERJA**

**Penerapan, penghayatan dan pengalaman nilai-nilai peribadi mulia dalam budaya kerja dan pengurusan organisasi meliputi:**

### **1. BERDISPLIN**

**Berdisiplin ialah amalan sentiasa akur dan patuh kepada semua arahan, peraturan, pekeliling dan undang-undang. Warga IKMa yang berdisiplin hendaklah:**

- Patuh dan taat kepada semua arahan pekeliling, peraturan dan undang-undang
- Berpegang teguh kepada ajaran agama
- Sentiasa menjaga maruah diri, organisasi dan negara
- Sanggup dan rela memperbaiki kelemahan diri

### **2. AMANAH**

**Amanah dalam pengertian nilai dan akhlak bermakna menunaikan tanggungjawab yang diberi dan melaksanakannya dengan sempurna. Amanah bagi warga IKMa adalah:**

- Melaksanakan arahan atau tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya
- Melaksanakan tugas-tugas tanpa kepentingan diri sendiri
- Menentukan masanya di pejabat digunakan secara optimum
- Memastikan harta awam / IKMa / kerajaan digunakan secara berhemah mengikut peraturan yang ditetapkan

### **3. BERDEDIKASI**

**Beredikasi bermaksud usaha bakti seseorang bagi melaksanakan tugas dengan sempurna. Warga IKMa yang dedikasi adalah:**

- Bersedia melaksanakan kerja lebih masa
- Menyempurnakan tugas ke tahap yang terbaik
- Mempunyai dorongan yang tinggi untuk sentiasa meningkatkan prestasi
- Bersedia menerima nasihat dan teguran
- Berusaha secara berterusan meningkatkan kebolehan dan memperbaiki kualiti hasil kerja

### **4. TEKUN**

**Tekun pula bermaksud bersungguh-sungguh dan teliti dalam melaksanakan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan.**

**Warga IKMa yang tekun adalah:**

- Komited terhadap tugas dan kerjayanya
- Berupaya memberi sepenuh penumpuan dalam menyempurnakan tugas

### **5. TOLERANSI DAN SALING HORMAT-MENGHORMATI**

- Bertutur dengan lemah-lembut tetapi tegas
- Memberi layanan dengan wajah yang manis dan sopan-santun
- Bersedia membantu orang lain dengan tangan terbuka

## **6.BEKERJASAMA**

**Bekerjasama bermaksud saling tolong-menolong untuk kebaikan.**

**Warga IKMa dikehendaki:**

- Menjalankan tugas yang diaamanahkan berdasarkan semangat berpasukan
- Saling bantu-membantu di antara satu sama lain
- Memupuk suasana harmoni
- Mengikis sikap keegoan dan mementingkan diri sendiri
- Bersama-sama berusaha untuk mencapai Visi dan Misi IKMa

## **7.BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH**

**Sentiasa menunjukkan sikap bersyukur dan berterima kasih di atas segala nikmat serta kemudahan yang diperolehi dan diterima dengan cara:**

- Menunjukkan kepuasan dari nikmat yang diperolehi
- Melipatgandakan usaha dalam melaksanakan tugas
- Menjaga nama baik dan imej IKMa
- Membudayakan ucapan terima kasih
- Memberi perkhidmatan yang cemerlang

## **8. BERSEDIA MENERIMA TEGURAN**

**Bersedia menerima teguran apabila melakukan sesuatu kesalahan dan kesilapan. Menyedari insan tidak sunyi daripada melakukan kesalahan. Warga IKMa hendaklah:**

- Bersedia dirinya dinilai dan diperiksa
- Bersedia memperbaiki kelemahan diri dan organisasi
- Bersedia menerima teguran dan kritikan membina
- Bersikap positif dan berfikiran terbuka apabila ditegur

## **9. KESEDERHANAAN**

**Kesederhanaan adalah sesuatu yang dilakukan tidak keterlaluan, sama ada dari segi kelakuan, percakapan, pakaian atau tindak-tanduknya.**

**Sikap sederhana boleh dikaitkan dengan ciri-ciri berikut:**

- Menjauhi sikap boros dan berhemah dalam perbelanjaan
- Menjauhi daripada memperbesarkan perkara yang remeh-temeh
- Memilih jalan tengah apabila berhadapan dengan dua situasi ekstrim
- Bersedia menerima cadangan walaupun dari sesiapa tanpa mengira pangkat

## **10. BERTANGGUNGJAWAB**

**Tanggungjawab bermaksud sesuatu kerja, tugas dan janji yang mesti dilaksanakan oleh seorang individu. Warga IKMa yang bertanggungjawab mestilah:**

- Melaksanakan tugas mengikut peraturan dan tempoh masa yang ditetapkan
- Bersedia menjalankan tugas tanpa membebankan orang lain
- Rasa bersalah jika tugas yang diberikan kepadanya tidak disempurnakan mengikut apa yang telah ditetapkan

## **MENGAMALKAN NILAI PROFESIONALISME DALAM PERKHIDMATAN**

**Menghayati dan mengamalkan nilai unggul profesionalisme meliputi:**

### **1. KECEKAPAN DAN KEMAHIRAN**

**Cekap, mahir dan berkebolehan dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada sesuatu profesi. Warga IKMa perlu:**

- Berkemampuan menyelesaikan masalah secara profesional
- Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sedia ada
- Bersedia menyahut cabaran semasa seperti globalisasi ekonomi, perkembangan ICT dan sebagainya
- Mempunyai sifat daya saing, *knowledge workers*, kepakaran dan kompetensi
- Mematuhi piawai dan *standard* yang ditetapkan
- Menerajui bidang pengurusan koperasi

### **2. KOMITMEN TERHADAP TUGAS**

**Warga IKMa menunjukkan sikap komitmen yang tinggi, penuh bertenaga, penuh perhatian serta keazaman yang tinggi terhadap tugas dengan:**

- Menghargai masa dan melaksanakan tugas tanpa bertangguh
- Mementingkan kualiti dan produktiviti
- Memberi komitmen terhadap tugas dan kerjayanya
- Menjalankan sebarang kerja dan tugas dengan telus
- Menggunakan kuasa yang diberi dengan adil dan saksama
- Bersedia menerima apa-apa jua arahan berkaitan tugasnya

### **3.KREATIF DAN INOVATIF**

Kreatif adalah merupakan satu sifat yang membolehkan seseorang Warga IKMa mencari jalan alternatif bagi mencapai matlamat dan tujuan berdasarkan kepada sumber-sumber sedia ada. Inovatif adalah satu sifat mengejar idea baru dan daya cipta bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti. Warga IKMa perlu:

- Memahami kaedah dan teknik baru dalam menyelesaikan masalah
- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai perkhidmatan yang cekap
- Mencari idea-idea baru bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan

### **4.PROAKTIF**

Proaktif adalah sifat yang perlu ada pada setiap Warga IKMa. Proaktif bermaksud:

- Peka terhadap tugas yang dipertanggungjawab kepadanya
- Melakukan tugas dan tanggungjawab tanpa memerlukan dorongan
- Menghasilkan output yang berkualiti dan proaktif

### **5.BERMOTIVASI**

Bermotivasi bermaksud sentiasa ada dalam dirinya aspek-aspek dorongan, galakan dan rangsangan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab, Antara ciri-ciri lain adalah:

- Bersemangat dan bersungguh-sungguh
- Melaksanakan tugasnya dengan penuh yakin
- Lebih bersedia untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat dan mencabar

## **6. BERILMU DAN BERUSAHA MENJADI PAKAR**

### **Warga IKMa perlulah:**

- Memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu
- Berpegang kepada prinsip ilmu pengetahuan merupakan kunci kejayaan kepada individu, organisasi, bangsa dan negara
- Berusaha menimba ilmu dan kemahiran agar menjadi pakar

## **MEMEGANG TEGUH PRINSIP AKAUNTABILITI, INTEGRITI DAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DALAM TUGAS YANG DI AMANAHKAN**

Melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah ditetapkan kepadanya dengan memastikan ianya mencapai matlamat serta objektif seperti yang diharapkan. Antaranya ialah:

### **1. ADIL, CEPAT, CEKAP DAN KONSISTEN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

Membuat keputusan adalah merupakan salah satu perkara penting dalam pengurusan. Setiap keputusan yang dibuat hendaklah tegas, konsisten dan saksama iaitu:

- Berkemahiran dalam membuat keputusan
- Keputusan yang dibuat adalah telus dan adil
- Membuat keputusan yang tepat dan tidak diragui

### **2. MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG DI TETAPKAN**

Bagi mengelakkan perlanggaran ke atas tatakelakuan yang dilarang, seharusnya Warga IKMa mestilah mengetahui dan memahami kehendak akta, undang-undang, peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling dan arahan yang berkaitan. Warga IKMa juga perlu:

- Sentiasa amanah dan ikhlas dalam menjalankan tugas.
- Sentiasa berkelakuan yang boleh menampilkkan imej dan reputasi IKMa dan perkhidmatan awam
- Menjauhi daripada mengambil kesempatan terhadap maklumat rasmi untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga
- Menghindari penyalahgunaan kuasa
- Menghindari serta menolak rasuah

### **3. KEBERTANGGUNGJAWABAN**

**Antara tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan akauntabiliti atau kebertanggungjawaban adalah:**

- Pengurusan perlu menyatakan dengan jelas akauntabiliti atau kebertanggungjawaban bagi setiap tugas dan tanggungjawab pegawai
- Akauntabiliti diperingkat individu ditingkatkan melalui perubahan diri dengan penerapan nilai-nilai murni

## **MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PELANGGAN**

### **1. MEMENUHI KEHENDAK DAN KEPUASAN PELANGGAN**

**Untuk memenuhi kehendak pelanggan kita perlulah:**

- Mempunyai sistem pengurusan yang fleksibel, inovatif dan kreatif
- Mempunyai perancangan strategik bagi mengenal pasti kehendak pelanggan dan menentukan jenis output yang harus dikeluarkan bagi memenuhi cita rasa pelanggan
- Melayan pelanggan dengan sopan santun dan mesra

### **2. LAYANAN ADIL DAN SAKSAMA**

**Adil dan saksama bermaksud memberikan kepada yang berhak itu akan haknya mengikut kadar masing-masing atau meletakkan sesuatu di tempatnya. Warga IKMa dikehendaki:**

- Melayan pelanggan dengan adil dan saksama
- Berusaha menyelesaikan masalah pelanggan
- Memberi layanan sama rata dengan tidak memilih golongan-golongan tertentu

### **3. MENEPATI JANJI DALAM PIAGAM PELANGGAN**

**Warga IKMa diminta melaksanakan Piagam Pelanggan dengan cara:**

- Menepati janji yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan
- Berkorban masa dan tenaga untuk menepati ikrar dan janji kepada pelanggan
- Mengemaskini Piagam Pelanggan dari semasa ke semasa

#### **4. MAKLUM BALAS PELANGGAN**

- Memberi perkhidmatan berorientasikan pelanggan
- Memberi layanan yang baik dan mesra
- Bercakap dengan baik dan sopan kepada pelanggan
- Menghormati pendapat dan maklum balas pelanggan

## **MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT**

### **1. MENIMBA ILMU DAN BERKONGSI ILMU PENGETAHUAN**

**Warga IKMa adalah digalakkan:**

- Mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu
- Berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan untuk membangunkan diri dan juga mempelajari perkara baru berkaitan tugas
- Berkongsi ilmu kepada warga IKMa melalui program perkongsian ilmu

### **2. BERUSAHA MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN**

Dalam perkembangan dan cabaran globalisasi ekonomi, perkembangan Teknologi Maklumat, K-Ekonomi dan sebagainya, warga IKMa perlu melengkapkan diri supaya menjadi pakar dan kompeten dalam bidang pentadbiran, ICT, latihan dan pendidikan koperasi, pengurusan sumber manusia dan bidang keberhasilan aktiviti ekonomi.

***“Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin melakukan yang terbaik”***

## **KESIMPULAN**

**Menghayati dan mengamalkan Kod Etika IKMa ini akan sedikit sebanyak membantu warga IKMa bertindak secara beretika seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan kerajaan. Adalah menjadi harapan Institut ini supaya setiap dari warga IKMa:**

- Melaksanakan tugas dengan amanah, ikhlas, profesionalisme dan tulus
- Berusaha untuk mencapai tahap etika kerja dan tatakelakuan yang terbaik
- Mematuhi akan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan
- Berkelakuan baik yang dapat meningkatkan imej perkhidmatan
- Sentiasa bangga menjadi warga IKMa
- Sentiasa bersyukur dengan kurniaan Tuhan

***“Satu-satunya cara untuk melakukan perkerjaan hebat adalah mencintai apa yang anda lakukan”***

**KUALITI UNGGUL** yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari

**Disediakan Oleh:**

Unit Integriti  
Institut Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03– 7964 9161/160/168  
Emel: [integriti@ikma.edu.my](mailto:integriti@ikma.edu.my)